

17/08/2000

Rakyat Palestin dahagakan sebuah negara

TANDA-TANDA pembentukan sebuah negara Palestin sudah semakin jelas. Ia sudah pun mempunyai bendera rasmi dan lagu kebangsaan sendiri dan hanya masa akan menentukan bila perisytiharannya sebagai sebuah negara merdeka akan dibuat. Namun, sambil Presiden Palestin, Yasser Arafat, bertegas akan mengisytiharkan pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka pada 13 September ini, halangan-halangan ke arah itu nampaknya masih terlalu banyak dan merumitkan.

Di satu pihak, Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, menentang sebarang langkah seumpama itu sambil melontarkan pelbagai ancaman. Pada pihak yang lain pula, Israel yang menawan Baitulmaqdis Timur daripada Jordan ketika Perang 1967, enggan langsung bertolak-ansur, termasuk ketika sidang damai Kem David selama 15 hari bulan lalu yang menemui jalan buntu. Palestin mahukan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kotanya manakala Israel pula tetap mempertahankan seluruh kota suci itu sebagai ibu negaranya yang 'bersatu dan berkekalan' yang tidak boleh dibahagi-bahagikan.

Hingga ke hari ini, 'Nakba' atau 'Malapetaka' yang merujuk kepada peperangan yang membawa kepada penubuhan Israel pada Mei 1948, masih diratapi masyarakat Arab Palestin. Akibatnya, mereka menjadi pelarian di tanah air sendiri sambil sebahagian besar yang lain terpaksa mengadu untung nasib di negara Arab lain, termasuk Jordan, Lubnan dan Syria. Sudah berpuluh tahun mereka menderita dan selama tempoh itu jugalah mereka ternanti-nanti saat untuk kembali menduduki tanah tumpah darah mereka atas nama negara Palestin yang merdeka.

Atas kesedaran itulah, Malaysia mengulangi pengiktirafannya terhadap Palestin sebagai sebuah negara bebas sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menerima kunjungan Arafat kelmarin. Sebagaimana rakyat negara lain, rakyat Palestin juga berhak ke atas negara mereka sendiri. Penerimaan wakil Palestin selaku pemerhati di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) turut membawa petanda ke arah pengiktirafan terhadap penubuhan negara berkenaan. Sesudah puluhan tahun rakyatnya menjadi pelarian, tiba masanya penderitaan mereka diakhiri. Tiada yang akan lebih bertepatan daripada perisytiharan Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

(END)